

Kerajaan di peringkat akhir tubuh Jabatan Pendakwaan Syariah Malaysia - Menteri

Oleh Mahani Ishak - Januari 26, 2026 @ 11:07am



KUALA LUMPUR: Kerajaan dalam peringkat akhir persediaan untuk menubuhkan Jabatan Pendakwaan Syariah Malaysia (JPSM) di peringkat Persekutuan bagi memperkukuh penyelarasan, kecekapan dan profesionalisme pendakwaan syariah di seluruh negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Dr Zulkifli Hasan, berkata ketika ini ia dalam proses penyediaan memorandum Jemaah Menteri bagi mendapatkan kelulusan dasar sebelum dibawa ke Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) dan seterusnya ke Majlis Raja-Raja.

"Penubuhan JPSM bertujuan memastikan keseragaman gerak kerja pendakwaan syariah tanpa menjejaskan autonomi dan kuasa negeri-negeri sebagaimana diperuntuk di bawah Perlembagaan Persekutuan.

"Malah satu mesyuarat dalam masa terdekat bersama Kementerian Kewangan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), JPM untuk membincangkan isu-isu teknikal cadangan penubuhan JPSM ini secara lebih terperinci.

"Cadangan penubuhan JPSM ini bagaimanapun tidak akan menghakis kuasa (perundangan) negeri, tetapi berfungsi sebagai entiti rujukan dan penyelaras di peringkat Persekutuan khususnya dalam aspek perundangan jenayah syariah, pentadbiran, latihan, kompetensi dan profesionalisme," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan Dr Ahmad Fakhruddin Fakhruddin (PN-Kuala Kedah) yang meminta perdana menteri menyatakan status Pelan Kecekapan Pendakwaan Syariah Nasional (PKPSN) sebagai dasar rasmi negara dan kesediaan kerajaan mewujudkan Akta Jabatan Pendakwaan Syariah Persekutuan supaya fungsi pendakwaan Islam berada pada kedudukan yang kukuh bebas seperti Jabatan Peguam Negara.

Mengulas lanjut, Zulkifli menjelaskan, ketika ini semua negeri kecuali Sabah sudah mengasingkan sepenuhnya fungsi pendakwaan Syariah daripada Jabatan Agama Islam Negeri.

"Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Pendakwaan Syariah Wilayah Persekutuan bersama jabatan pendakwaan Syariah negeri-negeri telah mengadakan persidangan meja bulat membabitkan pihak berkuasa agama negeri serta Setiausaha Kerajaan Negeri bagi membincangkan cadangan itu," katanya.

Menjawab soalan tambahan Ahmad Fakhruddin berkaitan isu tunggakan kes syariah, Zulkifli berkata, prestasi Mahkamah Syariah menunjukkan perkembangan positif dengan peningkatan kadar penyelesaian kes, khususnya di Wilayah Persekutuan.

"Bagi tempoh 2019 hingga 2025, sebanyak 9,387 kes direkodkan di bawah Akta Undang-Undang Keluarga Islam manakala 858 kes di bawah Akta Kesalahan Jenayah Syariah 1997 dengan banyak kes berjaya diselesaikan dengan lebih pantas.

"Bertepatan peranan utama penubuhan JPSM, ia bagi ditubuhkan bagi pemusatan data dan statistik pendakwaan syariah di peringkat nasional, penyelarasan tatacara pendakwaan serta penggubalan arahan amalan Ketua Pendakwa Syarie bagi mengurangkan isu backlog kes," katanya.

Dalam pada itu, menjawab soalan Datuk Isam Mohd Isa (BN-Tampin) berkenaan sejauh mana libat urus dilakukan bersama kerajaan negeri dan pihak berkuasa negeri, Zulkifli memaklumkan secara prinsip majoriti negeri bersetuju dengan penubuhan JPSM.

"Sesi libat urus menyeluruh telah diadakan bersama kerajaan negeri dan Majlis Agama Islam Negeri, kebanyakan negeri memberi maklum balas bertulis hasil daripada perbincangan yang sudah diadakan.

"Secara prinsipnya, majoriti bersetuju dengan penubuhan JPSM, namun pelaksanaannya perlu diperincikan bagi memastikan manfaat bersama serta menjamin kebebasan, integriti dan kewibawaan institusi pendakwaan Syariah," katanya.

Penyebaran semula ajaran Ahmadi Religion didalangi individu luar Johor

Azizi Majid - Januari 31, 2026 @ 10:23am



Antara poster yang dikatakan bagi mempromosi semula ajaran sesat Ahmadi Religion dikesan di Muar, baru-baru ini. - Foto tular

JOHOR BAHRU: Penyebaran semula ajaran Ahmadi Religion yang telah difatwakan sesat di Johor, baru-baru ini, dipercayai didalangi individu dari luar negeri ini.

Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ), Yusree Ikhsan, berkata siasatan mendapati usaha membawa masuk ajaran berkenaan tidak membabitkan penduduk tempatan.

Walaupun kegiatan itu masih berada pada tahap terkawal, umat Islam di negeri ini diingatkan tidak terpengaruh dengan mana-mana ajaran yang menyimpang.

"Penyebaran poster berkaitan ajaran sesat itu mula dikesan oleh Majlis Perbandaran Muar (MPM) apabila ia digantung di beberapa lokasi tumpuan awam sekitar bandar Muar, baru-baru ini.

"MPM kemudian mengambil tindakan menurunkan poster berkenaan pada Jumaat lalu atas kesalahan menggantung bahan tanpa kebenaran sebelum perkara itu dirujuk kepada JAINJ," katanya ketika dihubungi.

Beliau berkata, semakin pihak berkuasa mengesahkan bahan berkenaan mempromosikan ajaran Ahmadi Religion yang telah difatwakan sesat.

Setakat ini, katanya, tiada tangkapan dilakukan, namun pemantauan akan diteruskan bagi memastikan kegiatan sama tidak berulang.

Berdasarkan rekod, pada tahun lalu seorang pengikut ajaran berkenaan di Pontian telah didakwa di mahkamah dan dijatuhi hukuman denda RM6,000 serta penjara tiga bulan selepas disabitkan atas tiga pertuduhan menyimpan bahan berkaitan ajaran sesat berkenaan.

Terdahulu, tular di media sosial gambar poster dan kain rentang yang mempromosikan semula ajaran itu, dipercayai dipasang di beberapa lokasi tumpuan orang ramai di Muar pada Jumaat.

Menurut JAINJ, antara pegangan ajaran Ahmadi Religion yang bercanggah dengan akidah Islam ialah kepercayaan bahawa Muhammad bin al-Hassan al-Askari, Imam Syiah ke-12, sebagai Imam al-Mahdi yang kononnya sedang bersembunyi dan akan muncul pada akhir zaman.

Selain itu, pengikut turut mempercayai Ahmad al-Hasan atau al-Yamani sebagai utusan Imam al-Mahdi yang didakwa membawa syariat baharu bagi menyempurnakan ajaran nabi terdahulu.

Simpan bahan ajaran sesat, pengawal keselamatan didenda RM2,500

Oleh **Farhana Yaacob** - Februari 13, 2026 @ 4:55pm



Mohammad Shahirman Akbar Ali Khan didenda RM2,500 selepas mengaku bersalah di Mahkamah Tinggi Syariah Melaka di sini hari ini kerana menyimpan bahan ajaran sesat. - Foto Farhana Yaacob

MELAKA: "Dah nak berpuasa (Ramadan), kenapa awak buat begini".

Itu teguran Hakim Syarie Mahkamah Tinggi Syariah Melaka kepada seorang pengawal keselamatan di sebuah institut pengajian tinggi sebelum lelaki itu didenda RM2,500 selepas mengaku bersalah menyimpan bahan berkaitan ajaran yang difatwakan haram, hari ini.

Hakim Syarie, Mohd Yunus Mohamad Zin, menjatuhkan hukuman berkenaan terhadap Mohammad Shahirman Akbar Ali Khan, 36, berkuat kuasa serta-merta selain memerintahkan penjara lima bulan sekiranya gagal membayar denda.

Mengikut pertuduhan, lelaki itu didapati memiliki kira-kira 10 bahan termasuk kain rentang, kemeja-T, poster, buku dan dokumen berkaitan ajaran "The Ahmadi Religion of Peace and Light" di sebuah rumah di Telok Mas kira-kira jam 8 pagi semalam.

Dia didakwa mengikut Seksyen 63 Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991 kerana menghina agama Islam yang memperuntukkan hukuman maksimum penjara tiga tahun atau denda RM5,000 atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Syarie Kanan, Muhammad Rafaie Zasari, yang memohon hukuman setimpal kerana tindakan individu itu bukan sahaja menghina agama Islam malah bertentangan dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ).

Beliau berkata, tertuduh perlu menjadikan hukuman itu sebagai pengajaran untuk bertaubat dan kembali ke pangkal jalan.


Tertuduh yang tidak diwakili peguam merayu agar hukuman diringankan dengan alasan hanya mengikut orang lain selain menghidap strok, manakala abangnya juga tidak berkemampuan untuk membantunya membayar denda yang tinggi.

Tertuduh kemudiannya membayar denda tersebut.

Semalam, penguat kuasa Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) melakukan serbuan di sebuah rumah sebelum menahan lelaki terbabit susulan menerima maklumat orang awam.

'Miera Martoza' kekal pengakuan tak bersalah terhadap tuduhan berpakaian, berlagak seperti wanita

Nazdy Harun - Februari 10, 2026 @ 11:58am



Mohd Lukman hadir di Mahkamah Tinggi Syariah di Kuala Terengganu bagi berdepan pertuduhan berpakaian dan berlagak seperti wanita di sebuah pusat beli-belah pada Mei tahun lalu. - NSTP/NAZDY HARUN

KUALA TERENGGANU: Jurujual, Mohd Lukman Mohamad Aluddin anak nama samarananya **'Miera Martoza'** yang sebelum ini didakwa di Mahkamah Tinggi Syariah di sini atas tuduhan berpakaian dan berlagak seperti wanita di sebuah pusat beli-belah, kekal dengan pengakuan tidak bersalah dan mohon dibicarakan.

Tertuduh, 33, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Hakim Syarie, Hamidi Shafie, melakukan kesalahan itu pada kira-kira jam 4 petang 12 Mei tahun lalu petang, dengan memakai pakaian wanita dan berlagak seperti wanita di Tingkat 3, KTCC Mall, Jalan Sultan Zainal Abidin, di sini.

Dia didakwa mengikut Seksyen 33 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) Terengganu 2001 yang memperuntukkan hukuman sebatan tidak melebihi enam kali atau penjara sehingga tiga tahun atau kedua-duanya serta boleh didenda sehingga RM5,000, jika sabit kesalahan.

Mahkamah membenarkan tertuduh yang diwakili peguam, Siti Nur Adibah Pakurazzi, diikat jamin RM3,000 dan menetapkan 17 Mei depan sebagai tarikh perbicaraan. Pendakwaan dikendalikan oleh Pendakwa Syarie Jabatan Pendakwaan Syariah Terengganu, Nurul Taqwa Hasbu.

Siti Nur Adibah terdahulu memaklumkan, pihaknya masih menunggu dokumen berkaitan perbicaraan selepas mengemukakan permohonan bagi mendapatkannya.

"Pihak pembelaan telah memohon kepada pihak pendakwaan untuk membekalkan dokumen-dokumen perbicaraan dan ia akan diserahkan sebelum tarikh perbicaraan akan datang. Kami akan meneliti dokumen terbabit bagi melihat sama ada terdapat sebarang kecacatan pada pertuduhan selain mengenal pasti saksi-saksi yang akan dipanggil," katanya.



Jakim, MCMC to track 'subtle' deviant teachings on TikTok, YouTube

By **Zaf Seraj, Luqman Hakim** February 12, 2026 @ 1:19pm



Deputy Minister in the Prime Minister's Department (Religious Affairs), Marhamah Rosli, said both agencies are strengthening the competency of enforcement officers to better detect and act on such cases. - BERNAMA PIC

KUALA LUMPUR: The Department of Islamic Development Malaysia (Jakim) and the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) are collaborating to curb the spread of deviant teachings and "subtle proselytisation" on social media.

Deputy Minister in the Prime Minister's Department (Religious Affairs), Marhamah Rosli, said both agencies are strengthening the competency of enforcement officers to better detect and act on such cases.

"Jakim and MCMC are working closely to build the competency of enforcement officers so that elements of subtle proselytisation in the mass media and digital sphere can be addressed appropriately," she said in the Dewan Rakyat today.

She was responding to Datuk Azman Nasrudin (PN-Padang Serai), who queried the measures taken by the government to address the spread of deviant and questionable teachings that are increasingly proliferating on social media platforms such as TikTok, YouTube and others.

He said that there were videos online that had elements of subtle proselytisation where the viewers are presented with divine themes and moral values, but elements of religious propagation other than Islam were displayed towards the end of the video.